

# MRT peruntuk RM130 juta bina kuarters polis baharu

**KUALA LUMPUR 28 Sept.** - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) memperuntukkan RM130 juta bagi membina kuarters polis baharu di Taman Keramat AU1 yang dijangka siap Disember tahun hadapan.

Pengarah projek Transit Aliran Massa (MRT) jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), Datuk Amiruddin Ma'aris berkata, kuarters baharu itu adalah menggantikan Kuarters Polis Sentul

yang dirobohkan bagi memberi laluan pembinaan MRT jajaran SSP.

Beliau berkata, kerja perobohan bermula pada Jun 2017 dan dilakukan oleh subkontraktor bertauliah.

"Buat masa ini 270 keluarga yang terlibat itu ditempatkan di Pangsapuri Teratai Residence di Setapak sementara menunggu kuarters baharu siap.

"Sepanjang tempoh berada di sana, pelbagai bantuan di-

salurkan termasuk menyediakan bas sekolah untuk anak-anak," katanya dalam sidang akhbar di Kuarters Polis Sentul, di sini.

Mengulas mengenai pembinaan jajaran SSP, Amiruddin memberitahu, kemajuan bagi keseluruhan pembinaan telah mencapai kira-kira 13.7 peratus dan menepati jadual.

"Kerja-kerja mengorek terowong pula di-

jangka bermula pada suku pertama tahun hadapan.

"Persediaan ke arah pelancaran mesin pengorek terowong (TBM) juga sedang dijalankan, manakala kerja baik pulih lapan TBM telah hampir selesai dan akan dihantar ke tapak pembinaan bermula hujung tahun ini," katanya.



**KERJA-KERJA** merobohkan kuarters lama Polis Sentul yang berusia 40 tahun giat dilaksanakan bagi memberi laluan kepada pembinaan jajaran MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya di Sentul, kelmarin. - UTUSAN/MOHD NAJIB MOHD NOR



**KUARTERS** polis Sentul dirobohkan bertujuan memberi laluan pembinaan MRT-jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.